

Pemikiran Generasi Z Terhadap Konsep Flora Berdasarkan Pantun: Sebuah Analisis Kognitif

Thoughts of Generation Z on the Concept of Flora Based on Pantun: A Cognitive Analysis

¹Junaini Kasdan
Fasehah Rossalim

Program Linguistik
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence email: 1junaini@ukm.edu.my

Article history:

Received date: 04.08.2025
Revised date: 25.09.2025
Accepted date: 02.10.2025
Published date: 28.11.2025

ABSTRAK

Pantun merupakan warisan puisi Melayu yang kaya dengan lambang budaya dan unsur alam. Namun, perkembangan zaman dan pendedahan kepada budaya luar telah memberi kesan terhadap cara generasi muda menginterpretasi dan menggunakan flora dalam penciptaan pantun. Kajian ini bertujuan untuk meneliti konsep flora dalam pantun yang dihasilkan oleh Generasi Z dengan memberi tumpuan kepada analisis kognitif. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif serta kerangka teori semantik kognitif. Dengan menggunakan data pantun yang dihasilkan oleh Generasi Z yang menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan mengikuti kelas LMCR 1142 (Akal Budi Melayu) bagi tahun 2018–2024. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti konsep flora dalam kalangan generasi Z melalui pantun dan menganalisis jenis-jenis flora yang terdapat dalam pantun yang dicipta berteraskan teori semantik kognitif. Sebanyak 242 pantun dianalisis dan dapatan menunjukkan bahawa flora yang digunakan dalam pantun yang dicipta oleh Generasi Z bukan sahaja terdiri daripada bunga tradisional seperti Melati, Mawar dan Cempaka tetapi merangkumi tumbuhan moden seperti Sakura, Tulip dan seumpamanya. Dapatan kajian juga menunjukkan penggunaan flora yang tidak termasuk di dalam kategori konsep flora. Selanjutnya, dapatan ini dianalisis menggunakan semantik kognitif, untuk menjelaskan bahawa konsep flora yang muncul tidak hanya terhad kepada pemahaman literal terhadap jenis tumbuhan tetapi mencerminkan gambaran mental mereka terhadap flora. Hasil kajian mendapati bahawa konsep flora yang digunakan tidak sepenuhnya memfokuskan kepada jenis-jenis bunga sahaja tetapi juga memperlihatkan hasil dapatan yang mencerminkan minda para pelajar terhadap konsep flora itu sendiri. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengembangan bidang semantik kognitif dan sastera Melayu.

Kata Kunci: *Konsep flora, pantun, Generasi Z, linguistik, Semantik kognitif*

ABSTRACT

Pantun is a traditional form of Malay poetry that is rich in cultural symbols and elements of nature. However, the passage of time and exposure to external cultures have influenced how the younger generation interprets and utilizes flora in the creation of pantun. This study aims to examine the concept

of flora in pantun composed by Generation Z, with a focus on cognitive analysis. A descriptive qualitative approach was employed, guided by the theoretical framework of cognitive semantics. The data consists of pantun produced by Generation Z students enrolled in the LMCR 1142 (Akai Budi Melayu) course at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) from 2018 to 2024. The objectives of the study are to identify the concept of flora among Generation Z through their pantun and to analyze the types of flora found within these pantun based on cognitive semantics theory. A total of 242 pantun were analyzed and the findings reveal that the flora featured includes not only traditional flowers such as Melati, Mawar and Cempaka but also modern plants such as Sakura, Tulips and others. The study also uncovered the use of elements that do not conventionally within the category of flora. These findings were analyzed using cognitive semantics to demonstrate that the concept of flora extends beyond a literal understanding of plant types, reflecting the mental imaginary and cognitive perceptions of the students. The results show that the concept of flora employed is not limited to types of flowers but also illustrates the students' mental representations of flora. Thus, this study is expected to contribute to the advancement of cognitive semantics and Malay literature.

Keywords: *Flora concept, pantun, Generation Z, linguistics, cognitive semantics.*

1. Pengenalan

Dalam era moden ini, pantun masih sering menjadi perbincangan dalam kalangan masyarakat. Karya ini telah memberikan sumbangan yang besar dalam memupuk jati diri, nilai murni dan memberikan penyampaian melalui bahasa yang indah. Kesusteraan Melayu berkembang sebagai medium komunikasi, penyampaian ilmu dan pengukuhan nilai budaya dalam masyarakat Melayu. Bentuk kesusteraan lisan seperti pantun, syair, gurindam dan seloka memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu pada suatu ketika dahulu. Pantun merupakan sebagai salah satu warisan puisi Melayu yang paling unik bukan sekadar hiburan tetapi juga berfungsi sebagai alat penyampaian mesej yang tersirat sama ada dalam konteks sosial mahupun adat resam.

Melayu mempunyai ciri-ciri khas yang tersendiri di mana ia dapat dibezakan daripada bentuk puisi Melayu yang lain iaitu susunan berangkap dengan rima bersilang serta penggunaan pembayang dan maksud. Selain itu, pantun sering menggunakan unsur alam terutamanya flora sebagai metofara atau perlambangan untuk menyampaikan nilai moral, nasihat atau sindiran secara halus. Elemen alam ini menggambarkan hubungan yang rapat masyarakat Melayu dengan persekitaran mereka dan bagaimana kehidupan mereka dipengaruhi oleh unsur-unsur semula jadi. Menurut Harun Mat Piah (1989) mendefinisikan pantun sebagai medium untuk menyentuh jiwa dan menyampaikan pandangan hidup masyarakat. Beliau juga menyatakan bahawa pantun mempunyai aspek dalaman dan luaran atau struktur visualnya. Aspek dalaman yang merangkumi estetika dan isi iaitu tema dan persoalan. Unsur estetika daripada pantun dapat dilihat berdasarkan dua aspek utama iaitu daripada lambang, hubungan makna antara pembayang sama ada secara konkrit ataupun abstrak.

Menurut Kamus Dewan Bahasa (2010), pantun merupakan sejenis puisi Melayu lama yang diwarisi oleh orang Melayu daripada nenek moyang sejak zaman silam lagi. Pantun dapat menggambarkan cara berfikir dan menunjukkan nilai-nilai tradisi masyarakat Melayu. Melalui pantun, orang Melayu mengeluarkan rasa hati dan keluhan jiwa seperti dalam bentuk kasih sayang, cinta, suka duka, sindir menyindir dan berbagai perasaan hati mereka yang diungkapkan melalui pantun (Eizah Mat Hussain et.al, 2015). Symbolisme flora dalam pantun sering kali melambangkan nilai dan konsep tertentu. Sebagai contoh, bunga Melati yang sering dikaitkan dengan kesucian dan kehalusan budi manakala pohon beringin melambangkan kebijaksanaan dan kekuatan. Menurut kajian oleh Harun Mat Piah (2000), elemen flora yang terdapat di dalam pantun bukan sekadar unsur hiasan tetapi ia juga mengandungi makna yang

mendalam dan berkait rapat dengan falsafah hidup masyarakat Melayu. Kajian ini telah menunjukkan bahawa pemahaman terhadap simbolisme dalam pantun terutamanya berkaitan dengan flora yang dapat membantu dalam memahami pemikiran dan nilai-nilai yang dipegang oleh masyarakat Melayu sejak berkurun berzaman lagi.

Namun begitu, dalam era globalisasi dan kepesatan kecanggihan teknologi, warisan kesusteraan lisan seperti pantun semakin dilupakan khususnya dalam kalangan Generasi Z. Generasi ini lebih cenderung kepada budaya digital yang menekankan komunikasi pantas dan ringkas sehingga menyebabkan penggunaan serta pemahaman terhadap pantun semakin berkurangan. Kajian oleh Mohammad Khairi Haji Otham (2020), mendapati bahawa pemahaman Generasi Z terhadap elemen pantun termasuk simbolisme flora menjadi semakin lemah berbanding generasi yang terdahulu.

Pada asasnya, pantun disampaikan secara lisan tetapi seiring dengan waktu berjalan, pantun sudah banyak ditemukan dalam bentuk tulisan. Menurut Fang (1993), pantun adalah senandung atau puisi rakyat yang dinyanyikan. Jika dilihat dari segi sejarah, pantun mula wujud sejak zaman silam masyarakat Melayu dan bermungkinan sekitar seawal abad ke-14 dan dikatakan berkembang pesat menjadi puisi lisan yang berbeza dengan zaman sekarang di mana ia mudah dijumpai dalam bentuk bertulis. Puisi juga berfungsi sebagai alat yang penting untuk berkomunikasi iaitu untuk menyindir dengan menyampaikan maksud secara berkias dan tidak secara terus serta dalam menyampaikan perasaan atau dalam majlis-majlis formal.

Oleh itu, Mohamad Azmi Ab. Rahman (2018), penyelidikan ini akan memberikan tumpuan kepada pantun yang bertemakan flora. Kebanyakan pantun yang bertemakan flora menggunakan tema alam sekitar seperti bunga, pokok dan tumbuhan sebagai perlambangan atau pembayang. Dalam pantun, flora sering melambangkan perasaan, prinsip budaya dan hubungan manusia dengan alam sekitar. Misalnya, bunga Melati yang dikaitkan dengan kesucian manakala bunga mawar sebaliknya yakni dikaitkan dengan cinta dan keindahan. Pantun flora juga berfungsi sebagai alat untuk meningkatkan kesedaran ekologi dengan menunjukkan hubungan masyarakat Melayu dengan alam sekitar dan pengiktirafan mereka terhadap keindahan dengan menggunakan flora dalam kehidupan seharian. Pantun sejenis ini secara halus menyebarkan nilai murni seperti kesederhaan dan kasih sayang. Penulis telah menggariskan atau menetapkan objektif yang akan menjadi fokus utama kajian ini. Dengan adanya objektif yang ditetapkan, kajian yang akan dilaksanakan akan menjadikan lebih tepat. Makalah, dua objektif yang disasarkan adalah mengenalpasti konsep flora dalam kalangan generasi Z melalui pantun dan menganalisis jenis-jenis flora yang terdapat dalam pantun yang dicipta berteraskan teori semantik kognitif.

1. Tinjauan literatur

Kajian-kajian yang lepas banyak memberikan sumbangan kepada pendekatan teori dan perkembangan idea dalam memberikan pemahaman yang sepenuhnya terhadap kajian yang dilaksanakan berkaitan dengan pantun. Pada bahagian ini, pengkaji akan memberikan fokus terhadap kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh para sarjana ke atas pantun Melayu.

Setelah diteliti kesemua rujukan yang pengkaji telah selidik, terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan yang berkaitan dengan pantun. Daripada kesemua penulisan kajian tersebut, pengkaji dapat meneliti kelemahan serta kekuatan yang terdapat di dalam kajian tersebut. Pengkaji juga melakukan penelitian lanjut terhadap teori-toeri yang telah digunapakai serta aspek yang diberi fokus di dalam penulisan kajian terdahulu yang telah dilihat. Kajian yang diteliti ini adalah bertujuan untuk melakukan penambahbaikan terhadap kajian yang dilaksanakan.

1.1 Simbol tumbuhan dalam pantun dari perspektif puitika sastera Melayu

Kajian berkaitan dengan puisi sastra Melayu telah dilakukan oleh Eizah Mat Hussain, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Salina Jaafar (2015) bertujuan untuk melihat berkaitan simbol dalam pantun. Objektif kajian ini memfokuskan kepada sejauh mana prinsip kiasan dan saranan sesuai. Pengkaji telah menggunakan teks kepustakaan iaitu buku yang bertajuk *Bingkisan Permata* (2001) yang telah diselenggarakan oleh Harun Mat Piah. Pengkaji juga menggunakan pendekatan dengan memahami setiap rangkap yang dikaitkan secara langsung dengan pembayang dan pemaksud hasil pantun daripada buku yang diterbitkan tersebut. Penelitian ini juga memfokuskan kepada maksud-maksud tumbuhan yang digunakan dalam penyampaian mesej di dalam pantun iaitu tema yang diimplikasikan.

1.2 Fungsi bunga-bunga dalam teks pantun Melayu 'Bingkisan Permata'

Kajian yang dilakukan oleh Azyantee Mohd Zawawi, Nurmasitah Mat Hassan & Nordiana Ab Jaabar memberikan tumpuan terhadap membincangkan tentang fungsi tumbuhan terutamanya jenis bunga-bunga yang terdapat di dalam alam Melayu yang mempunyai fungsi yang tertentu. Sehubungan dengan itu juga, kajian ini akan memfokuskan kepada penelitian unsur-unsur yang dijadikan sebagai pembayang maksud kepada pantun yang teks pantun Melayu tersebut. Kaedah pengumpulan data ini adalah sepenuhnya berdasarkan teks *Bingkisan Permata* di mana hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa unsur bunga yang terdapat di dalam pantun Melayu tersebut mempunyai pelbagai fungsi bergantung kepada tema dalam pantun itu sendiri. Unsur-unsur ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa pantun Melayu bukan sahaja memberikan gambaran yang jelas berkaitan maksud bahkan sebagai nilai estetika adat Melayu.

1.3 Khazanah Ekoleksikon Flora dan Fauna dalam Boekoe Pantoen karya The Tim Lam

Selain itu, kajian yang dikaji oleh Nurzuha, Mohd Fauzi & Denni Iskandar bertujuan untuk mengkaji kekayaan leksikon flora dan fauna dalam *Boekoe Pantoen* karya The Tim Lam. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif yang menggunakan teori konsep Ekolinguistik. Hasil penelitian menunjukkan terdapat 73 leksikon flora dan 69 leksikon fauna yang ditemukan yang mengandung makna sosial, cinta lingkungan, dan budaya. Penelitian ini menegaskan bahwa masyarakat dahulu sangat peka dan bersimpati terhadap alam, menggunakan unsur flora dan fauna sebagai inspirasi untuk mengekspresikan perasaan, rasa syukur, pengobatan, dan hiburan. Namun, fenomena penggunaan leksikon flora dan fauna ini kini semakin jarang dipakai dalam bahasa Melayu.

1.4 Analisis Semantik Kognitif Pantun Melayu

Kajian oleh Muhamad Fadzilah bin Haji Zani yang bertajuk analisis semantik kognitif pantun Melayu memberi tumpuan kepada pantun Melayu yang mempunyai unsur flora dan fauna dalam setiap rangkap pantun. Secara khususnya, kajian ini mengkaji mekanisme kognitif yang membolehkan masyarakat Melayu membentuk pantun berdasarkan kefahaman kognitif mereka sendiri di mana melalui pelbagai sudut. Hasil dapatan data ini mengumpulkan buku yang bertajuk *Kurik Kundi Saga Merah* yang hanya memfokuskan kepada tema kasih sayang. Kajian ini mempunyai tiga objektif utama yang menjadi tonggak kepada penghasilan dapatan kajian. Hasil dapatan ini telah menunjukkan unsur-unsur tersebut memberikan gambaran terhadap tingkah yang telah dizahirkan di dalam pantun.

1.5 Analisis semiotik terhadap konsepsi lambang flora dalam pantun

Unsur flora dalam pantun Melayu tradisional adalah subjek kajian Mohammad Khairul Anwar bin Abdul Ghani, Analisis Semiotik Terhadap Konsepsi Lambang Flora dalam Pantun Melayu. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji bagaimana flora berfungsi sebagai lambang budaya dan mencerminkan perspektif hidup dan nilai masyarakat Melayu, kajian ini secara khusus menggunakan pendekatan semiotik Peirce. Data kajian diperoleh daripada himpunan pantun yang terdapat dalam buku Kurik Kundi Merah Saga yang memfokuskan pada tema nasihat, sindiran, dan kasih sayang. Tiga objektif utama kajian ini ialah mengenal pasti jenis flora yang digunakan sebagai lambang, menghuraikan makna simbolik flora dalam budaya Melayu, dan menilai cara lambang flora menyampaikan mesej dalam pantun. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa flora dalam pantun bukan sekadar unsur hiasan malah menjadi medium penyampaian mesej tersirat berkaitan emosi, moral, dan cara hidup masyarakat Melayu.

1.6 Akal Budi Melayu dalam Mantera: Analisis Semantik Kognitif

Sebuah kajian berjudul "Akal Budi Melayu dalam Mantera: Analisis Semantik Kognitif" oleh Hawa Mahfuzah Rusidin dan Zulkifley Hamid mengkaji penggunaan metafora dalam mantera Melayu menggunakan pendekatan semantik kognitif. Secara khusus, penyelidikan ini mengkaji jenis metafora konsepsi dan skema imej yang terdapat dalam mantera Melayu. Tujuannya

adalah untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang cara orang Melayu menggunakan bahasa simbolik untuk menyampaikan pemikiran dan falsafah mereka. Dengan menggunakan model Idealized Cognitive Models (ICM), data kajian diperoleh daripada teks mantera tradisional yang telah dianalisis. Tiga objektif utama kajian adalah untuk mengenal pasti jenis metafora konsepsi, menganalisis akal budi Melayu melalui metafora tersebut dan memetakan skema imej dalam mantera. Hasil kajian menunjukkan bahawa metafora konsepsi struktural mendominasi mantera Melayu dan skema imej berperanan penting dalam menggambarkan emosi, perasaan dan perbuatan masyarakat. Dapatan kajian ini menggambarkan bagaimana mantera Melayu mencerminkan falsafah dan akal budi masyarakat Melayu melalui penggunaan bahasa yang kaya dengan simbol dan makna kognitif.

1.7 Analisis Semantik kognitif dalam puisi Cinta Tanpa Tanda

Kajian Kamarul Abdul Ghani (2021) Analisis Semantik Kognitif dalam Puisi Cinta Tanpa Tanda: Konsep Metafora dan Ikon dari Perspektif Teori Ruang Mental mengkaji bagaimana metafora dan ikon digunakan dalam puisi Melayu kontemporari terutamanya dalam Puisi Cinta Tanpa Tanda. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengkaji bagaimana konsep-konsep metafora dan ikon yang terdapat dalam puisi boleh menggambarkan pengalaman dan emosi manusia. Bagaimana struktur mental dan pengalaman seseorang mempengaruhi cara mereka menggunakan bahasa dalam puisi boleh difahami dengan menggunakan pendekatan semantik kognitif. Hasil kajian menunjukkan bahawa puisi ini menyampaikan makna yang mendalam tentang cinta, kehilangan dan identiti dengan menggunakan metafora dan ikon. Ini mencerminkan pengalaman manusia yang kompleks dalam budaya Melayu.

1.8 Analisis makna kata Hana dan Bunga

Rosalina Wahyu Riani menjalankan kajian yang dipanggil Analisis Makna Kata Hana dan Bunga Sebagai Polisemi: Kajian Linguistik Kognitif. Kajian itu mengkaji pelbagai makna

kata Jepun “hana” dan “bunga” dari sudut linguistik kognitif. Kajian ini tertumpu kepada cara kata-kata tertentu mempunyai makna literal dan kiasan yang saling berkaitan seperti keindahan, ketenangan, keseronokan indera dan bau harum. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa makna terbentuk daripada pengalaman kognitif pengguna dan dipengaruhi oleh konteks budaya masing-masing. Selain itu, kajian ini menekankan bagaimana budaya mempengaruhi

pembentukan makna polisemi seperti dalam budaya Indonesia dan Jepun, bunga dianggap sebagai simbol ketenangan dan keindahan. Dapatan kajian memberi pemahaman lebih mendalam tentang hubungan antara bahasa, kognisi dan budaya dalam membentuk makna kata yang pelbagai dan kaya.

2. Metodologi dan Kawasan kajian

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menjelaskan secara terperinci mengenai kaedah kajian yang dilaksanakan bagi mendapatkan sumber data. Sebagaimana yang kita ketahui, setiap kajian yang dilakukan mestilah mempunyai sumber yang tepat dan sahih. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap maklumat yang diperolehi mestilah membantu dalam menyiapkan permasalahan yang dinyatakan serta membantu pengkaji untuk memperoleh sumber maklumat yang berkait rapat dengan perbincangan serta objektif yang menjadi matlamat utama dalam kajian ini.

2.1 *Tata Cara Pengumpulan Data*

Kaedah kepustakaan adalah penting dalam kajian yang dilaksanakan. Ia merupakan salah satu langkah utama yang penting bagi mendapatkan bahan rujukan yang berkualiti dan relevan bagi membantu pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian yang dikaji. Kaedah yang digunakan ini adalah untuk membantu pengkaji bagi mendapatkan bahan-bahan yang dapat dirujuk serta memberikan penjelasan kepada objektif serta tajuk kajian. Dalam kajian ini, kaedah kepustakaan bukan sahaja melibatkan pencarian bahan-bahan yang berkaitan dengan kognitif tetapi juga konsep yang meluas berkaitan dengan pantun. Tujuan kaedah ini dilaksanakan juga adalah bertujuan untuk membantu pengkaji dalam mencari rujukan terutamanya melibatkan bidang semantik. Hal ini dikaitkan dengan objektif kajian di mana rujukan yang dicari dapat membantu pengkaji merungkaikan flora yang digunakan dalam pantun yang akan dianalisis oleh pengkaji.

Seterusnya, pengkaji dapat mendapatkan maklumat berkaitan dengan teori yang digunakan dengan lebih mendalam melalui pencarian sumber-sumber ilmiah. Kajian ini juga memperlihatkan sudut-sudut pandangan tokoh-tokoh yang terlibat secara langsung dalam bidang yang dikaji. Hal ini secara tidak langsung, membantu pengkaji dalam mendapatkan idea serta memperkayakan pemahaman terhadap kajian yang dilakukan. Kajian yang dilakukan ini memerlukan data daripada bidang seperti semantik dan seumpama dengannya. Hal ini dikatakan demikian kerana, maklumat yang diperolehi dapat membantu pengkaji menganalisis data mengikut bidang utama yang dikaji iaitu berkaitan teori kognitif. Analisis yang dilaksanakan juga perlulah sejajar dengan objektif yang menjadi garis panduan dalam kajian ini. Oleh itu, pemerolehan sumber data daripada kajian kepustakaan ini dapat mengelakkan kekeliruan serta meningkatkan kefahaman dalam bidang tersebut. Maklumat-maklumat berkaitan dengan perspektif tokoh-tokoh mengenai bidang semantik, penggunaan jenis gaya bahasa dan sebagainya amat penting dalam membolehkan kajian ini dilaksanakan tanpa ada keraguan mengenai bidang ini.

Data kajian ini telah dikumpulkan melalui pantun-pantun yang dihasilkan oleh pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mengambil kelas LMCR 1142 (Akal Budi

Melayu) iaitu salah satu kursus yang menekankan penghayatan nilai budaya dan kesusteraan Melayu. Pelajar daripada kelas ini dapat menghasilkan pantun mengikut kreativiti mereka berdasarkan tema yang telah diberikan terutamanya melibatkan unsur-unsur alam yang tertentu untuk diimplikasikan dan digunapakai di dalam pantun yang direka oleh mereka. Kajian ini akan menggunakan pantun yang dicipta oleh pelajar sebagai data utama. Dengan itu, Setiap pantun akan dianalisis berdasarkan jenis flora yang digunakan dan mengkaitkannya dengan teori kognitif.

Sehubungan dengan itu, keterlibatan pelajar dalam menghasilkan pantun yang menggunakan unsur flora memberikan gambaran tentang bagaimana generasi muda khususnya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mengikut kelas tersebut memahami dan menggambarkan hubungan mereka dengan alam sekitar. Selain itu, kaedah ini membolehkan pengkaji menilai sejauh mana pengaruh pembelajaran dan pengetahuan tentang alam semula jadi boleh memberikan kesan kepada kreativiti para pelajar apabila mencipta pantun sebagaimana yang telah diberikan. Oleh itu, data yang diperolehi daripada pantun-pantun ini memberikan pemahaman yang lebih mendalam terhadap pemikiran budaya bukan sahaja dalam konteks linguistik sahaja.

2.2 Analisis Data

Salah satu cabang bidang linguistik kognitif adalah dengan menggunakan kaedah semantik untuk menganalisis semua data dalam kajian ini. Metodologi ini menekankan bagaimana pengalaman, budaya dan cara manusia berinteraksi dengan dunia luar menentukan makna. Semantik kognitif tidak sekadar melihat makna sebagai sesuatu yang jelas dan objektif.

Sebaliknya, ia mengkaji bagaimana bahasa mencerminkan cara manusia memahami dunia dan mentafsirnya melalui konsep-konsep mental berdasarkan pengalaman sekeliling. Proses analisis dilakukan dengan mengenal pasti jenis flora, tafsiran para pelajar terhadap flora tersebut. Melalui analisis tersebut, pengkaji akan menggunakan pendekatan analisis semantik kognitif iaitu dengan meneliti bagaimana pemikiran penutur muda mencerminkan pemahaman terhadap flora dari sudut budaya, emosi dan persekitaran mereka. Oleh itu, proses analisis ini membolehkan pengkaji memahami sejauh mana unsur flora digunakan sebagai perlambangan moden dalam pantun.

Selain itu, pertimbangan ideologi dan budaya yang mempengaruhi pemilihan flora tertentu juga boleh dilakukan melalui pendekatan semantik kognitif. Flora tempatan seperti Kemboja, Melur dan Cempaka menunjukkan nostalgia atau nilai tradisional budaya manakala flora asing seperti Tulip atau Sakura menunjukkan keterbukaan budaya dan pengaruh luar. Metodologi ini membantu kita memahami struktur pemahaman Generasi Z terutamanya apabila ia berkaitan dengan bahasa dan cara mereka menggunakan simbol alam. Analisis ini juga mengambil kira latar belakang Generasi Z yang hidup dalam era digital dan globalisasi serta mempengaruhi pemilihan flora mereka dan makna yang difahami oleh mereka. Dengan itu, pengkaji turut merujuk kepada kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan simbolisme konsep flora dalam pantun serta teori semantik kognitif. Kajian lepas ini bukan sahaja mengelakkan pengulangan penyelidikan yang sama malah membuka ruang baharu untuk melihat bagaimana generasi muda mentafsir alam semula jadi dalam konteks pantun. Oleh itu, penemuan daripada analisis ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pengembangan bidang semantik kognitif dalam konteks pantun.

Akhirnya, keputusan analisis disusun dalam jadual dan rajah untuk menunjukkan pola kekerapan, hubungan antara flora dan tema pantun, dan makna yang dicipta oleh pelajar berdasarkan flora yang mereka pilih. Dengan analisis ini, pengkaji memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang cara flora digunakan dalam pantun sebagai alat kognitif yang menggambarkan perasaan, pemikiran dan nilai generasi muda.

2.3 Kawasan Kajian

Kajian ini akan memberikan tumpuan kepada pemahaman konsep flora dalam kalangan Generasi Z khususnya mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mengikuti kursus Akal Budi Melayu pada tahun 2018–2024. Mahasiswa ini dipilih kerana mereka merupakan bahagian daripada Generasi Z. Dari segi data kajian, pengkaji akan menggunakan data pantun yang dihasilkan sendiri oleh mahasiswa yang tergolong sebagai generasi Z ini. Pantun-pantun tersebut akan membantu pengkaji untuk mengenal pasti konsep istilah flora yang mereka fahami ke dalam pantun yang telah dihasilkan.


3. Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini akan membincangkan keseluruhan dapatan kajian dari segi pengenalanpastian flora yang digunakan sebagai data kajian, menganalisis jenis-jenis unsur yang digunakan serta cerakinkan unsur data tersebut supaya dapat memberikan gambaran yang lebih jelas. Menurut Kamus Dewan (2005), dapatan kajian bermaksud sesuatu yang didapati atau diketahui hasilnya daripada kajian, penyelidikan dan penemuan.

3.1 Mengenalpasti flora di dalam data pantun

Flora merujuk kepada keseluruhan tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam sesuatu kawasan atau dalam tempoh masa tertentu sama ada dari segi spesis, kepelbagaian biologi mahupun ciri biogeografinya. Takrifan ini penting dalam pelbagai bidang seperti botani, ekologi, geografi dan juga kesusasteraan khususnya apabila flora digunakan sebagai unsur simbolik atau metafora dalam teks. Menurut *Kamus Cambridge*, secara biologinya, flora ditakrifkan sebagai keseluruhan tumbuh-tumbuhan di sesuatu kawasan atau dalam sesuatu tempoh masa yang menekankan aspek geografi dan temporal sebagai asas definisi.

Daripada 242 pantun tersebut, pengkaji mendapat terdapat sebanyak 149 flora yang digunakan di dalam data pantun tersebut. Selain daripada itu, pokok lain adalah sebanyak 94, herba 24 dan lain-lain sebanyak 27. Jadual di bawah menunjukkan peratusan unsur-unsur yang terdapat di dalam data pantun:



Carta pai 1: Peratusan unsur-unsur dalam pantun


Menurut analisis yang dijalankan terhadap 242 pantun yang telah dikumpulkan dan dikaji, lebih

daripada 157 pantun, atau kira-kira 65% daripada jumlah keseluruhan, mengandungi elemen flora. Ini menunjukkan bahawa kategori ini adalah unsur yang paling penting dalam penciptaan pantun oleh golongan muda hari ini. Elemen flora ini termasuk pelbagai jenis tumbuhan seperti bunga raya, melur, cempaka, teratai, kelapa, padi dan lain-lain yang sering dikaitkan dengan persekitaran budaya dan geografi orang Melayu. Kebanyakannya flora digunakan menunjukkan bahawa pantun-pantun ini dicipta oleh Generasi Z yang hidup dalam dunia moden dan serba digital. Walaubagaimanapun, ia menunjukkan bahawa generasi Z masih cenderung menggunakan elemen alam semula jadi sebagai latar, perlambangan dan alat penyampaian mesej yang berkesan.

Sehubungan dengan itu, terdapat juga elemen bukan flora dalam 73 pantun atau 30%. Elemen bukan flora termasuk fauna (seperti burung, kucing, gajah) dan unsur alam bukan tumbuhan seperti bulan, langit, air dan ciptaan manusia. Walaupun elemen ini sangat penting untuk menyampaikan cerita, emosi, dan nasihat, mereka tidak sebanyak flora dari segi kerap dan makna. Baki lebih daripada 12 pantun atau kira-kira 5%, pula menggunakan konsep abstrak atau umum seperti kasih sayang, budi pekerti, kebaikan, kesedihan dan sebagainya tanpa merujuk kepada elemen fizikal alam semula jadi.

3.2 Menganalisis jenis-jenis unsur yang digunakan

Bahagian ini membincangkan secara terperinci jenis-jenis unsur alam yang digunakan oleh pelajar dalam penghasilan pantun berdasarkan data pantun tahun 2018–2019. Unsur-unsur ini telah dikelaskan kepada empat kategori utama iaitu flora, herba, pokok lain dan lain-lain. Pengkelasan ini bertujuan untuk mengenal pasti kecenderungan pelajar dalam pemilihan unsur tersebut.



Carta pai 2: Jenis unsur yang digunakan di dalam pantun


Kategori	Perulangan	Peratusan
----------	------------	-----------

Flora	149	51.8
Pokok lain	94	32.7
Herba	25	8.7
Lain-lain	27	9.4

Jadual 1: Perulangan unsur-unsur dalam data pantun

3.2.1 Flora

Kategori flora mencatatkan jumlah ulangan tertinggi dalam pantun pelajar iaitu sebanyak 149 kali. Ini menunjukkan bahawa unsur bunga merupakan imej yang paling dominan dan digemari. Antara bunga yang paling kerap digunakan termasuklah melati (29 kali), mawar (27 kali), bunga raya (19 kali), dan cempaka (7 kali). Pelajar cenderung menggunakan bunga-bunga ini kerana ia lazim dalam pantun dan mudah dikaitkan dengan perasaan halus seperti kasih sayang, kecantikan, kesetiaan dan kelembutan. Selain bunga tempatan, terdapat juga pelajar yang menggunakan bunga luar negara seperti sakura, tulip dan camelia walaupun ulangan bagi bunga asing ini lebih rendah sekitar 15 sehingga 20 kali secara keseluruhannya. Kehadiran bunga asing menunjukkan pengaruh budaya luar dalam imaginasi pelajar, mungkin melalui media popular seperti anime, drama, atau pembacaan. Berikut merupakan carta yang menunjukkan perulangan unsur flora yang terdapat di dalam data pantun yang dikumpulkan oleh pengkaji.



Carta 3: Jenis unsur flora

3.2.2 Herba

Sebanyak 25 kali unsur herba digunakan dalam pantun. Walaupun jumlahnya jauh lebih rendah berbanding bunga, penggunaannya tetap signifikan. Antara herba yang disebut termasuk daun sirih, pegaga, selasih, petai, dan asam kandis. Penggunaan herba dalam pantun mencerminkan kesedaran pelajar terhadap kegunaan tumbuhan tempatan dalam kehidupan harian, terutamanya yang berkaitan dengan masakan, perubatan tradisional, dan adat istiadat. Hal ini memperlihatkan keterikatan pantun dengan budaya tempatan dan


warisan masyarakat.



Carta 4: Jenis unsur herba

3.2.3 Pokok Lain

Kategori ini mencatatkan 94 kali ulangan menjadikannya kategori kedua tertinggi selepas bunga. Pokok yang digunakan termasuk pokok kelapa (4 kali), pokok meranti (3 kali), pokok jati (2 kali) serta pokok nangka, durian, dan sukun.




Carta 5: Unsur pokok lain

3.2.4 Lain-lain

Kategori ini meliputi 27 kali ulangan dan terdiri daripada unsur yang tidak tergolong secara jelas dalam flora, herba atau pokok seperti “bunga” tanpa nama spesifik, “pokok umum”, “flora kita” serta unsur abstrak. Ini termasuk juga penggunaan objek moden atau metafora tidak berunsur alam seperti “telefon”, “tunggal” atau konsep seperti “nasihat”, “hikmah”, dan “ilmu”. Penggunaan kategori ini mungkin berpunca daripada kekeliruan pelajar terhadap konsep flora atau kecenderungan mereka untuk mengutamakan mesej berbanding kiasan imej. Ia juga boleh

ditafsir sebagai kreativiti pelajar yang menyesuaikan bentuk pantun dengan konteks kehidupan moden.



Carta 6: Unsur lain-lain

3.3 Menjelaskan teori kognitif

Teori kognitif ditakrifkan secara ringkas sebagai cara kita berfikir. Ia merujuk kepada cara orang menggunakan pelbagai kaedah untuk mendapatkan maklumat seperti pemerhatian, pemikiran, imaginasi, ingatan, pertimbangan, penyelesaian masalah dan perhatian tertentu. Salah satu tugas penting yang dilakukan oleh otak kita ialah kognitif. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, subdisiplin saintifik yang dipanggil psikologi kognitif telah menggabungkan kajian persepsi. Ahli psikologi pertama yang mengkaji perkembangan kognitif secara menyeluruh ialah Piaget (1936).

Berikut merupakan contoh pantun yang menggunakan unsur flora:

Mawar merah di tepi jalan,
Harum semerbak memikat hati,
Flora yang cantik, menenangkan jiwa.
Kehidupan di taman, nyata keajaiban,
Alam semesta, keindahan abadi.

Pantun di atas menunjukkan bahawa bunga mawar dipilih sebagai simbol utama dalam pemaknaan puisi. Pelajar ini menggunakan konteks semantik kognitif untuk membandingkan pengalaman deria mereka dengan bunga Mawar seperti keharuman, warna merah dan keindahan visual dengan konsep abstrak seperti ketenangan jiwa, kehidupan yang bermakna, dan keajaiban alam semesta. Ini menunjukkan struktur pemikiran yang menggunakan metafora untuk menghubungkan objek nyata (flora) dengan makna yang mendalam. Ini adalah proses yang dipanggil metafora konseptual (Lakoff & Johnson, 1980).

Menariknya, pantun ini dicipta oleh seorang pelajar lelaki. Hal ini secara tidak langsung membolehkan perbincangan tentang cara gender mempengaruhi pilihan simbol dan ekspresi emosi. Walaupun, bunga Mawar biasanya dikaitkan dengan kelembutan, cinta dan

estetika feminin. Pelajar lelaki dalam pantun ini menggunakan simbol ini untuk menonjolkan penghargaan terhadap keindahan alam dan ketenangan dalaman. Ini menunjukkan bahawa Generasi Z lelaki lebih mudah meluahkan nilai-nilai emosi, gaya dan ekspresi diri melalui bahasa kiasan. Oleh itu, hal ini memecahkan stereotaip bahawa puisi pelajar perempuan hanya mempunyai ekspresi lembut dan simbolik.

Menurut Shamsuddin dan Fadzil (2021), bunga Mawar dalam pantun bukan sahaja melambangkan cinta malah digunakan sebagai simbol penghormatan, kelembutan dan nilai murni. Oleh itu, pemilihan bunga Mawar oleh pelajar lelaki ini boleh ditafsirkan sebagai usaha untuk menyeimbangkan elemen emosi dan intelektual dalam ciptaan pantun. Ia juga menunjukkan pengaruh budaya dan pendidikan dalam membentuk kefahaman pelajar terhadap konsep flora dan fungsinya dalam wacana sastera. Maka, melalui kerangka semantik kognitif, jelas bahawa pemikiran pelajar lelaki turut membina makna secara simbolik dan halus di mana ia mencerminkan perubahan gaya berfikir generasi muda masa kini.

4. Rumusan dan cadangan

Kesimpulannya, penyelidikan ini merupakan pencapaian yang besar dalam bidang linguistik terutamanya dari segi semantik kognitif dan kajian sastera rakyat disamping melihat penggunaan unsur flora dalam pantun ciptaan Generasi Z. Ini disebabkan oleh fakta bahawa pantun sebagai warisan sastera tradisional bukan sahaja berfungsi sebagai alat seni tetapi ia juga menggambarkan perasaan, pengalaman dan prinsip budaya yang dipegang oleh setiap generasi. Penggunaan elemen flora dalam pantun menunjukkan bagaimana pelajar melihat alam semula jadi sebagai simbol emosi, moral dan estetika. Kajian ini menunjukkan bahawa flora yang dipilih untuk pantun bukanlah sesuatu yang kebetulan sebaliknya ia menunjukkan proses konseptual yang berakar umbi dalam pengalaman budaya, pendidikan dan pengaruh persekitaran moden.

Kajian ini telah mencapai objektifnya iaitu mengenal pasti jenis flora yang digunakan dalam pantun, mengkategorikan unsur-unsur tersebut mengikut jenis seperti bunga, herba, pokok dan sebagainya dan menganalisis bagaimana idea flora membentuk minda Generasi Z. Analisis pantun pelajar menunjukkan bahawa bunga seperti kemboja, mawar, melati dan sebagainya bukan sahaja melambangkan emosi dan nilai tertentu tetapi ia juga mencerminkan wacana budaya dan imaginasi linguistik pelajar tentang alam dan kehidupan. Pelajar lelaki dan perempuan yang menggunakan simbol flora juga menunjukkan variasi dalam tafsiran dan gaya pemikiran yang menarik untuk diperhatikan lebih lanjut.

Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada bidang linguistik kognitif dan sastera Melayu terutamanya dalam memahami cara unsur semula jadi digunakan dalam minda penutur muda sebagai alat konseptual untuk menyampaikan makna secara simbolik dan estetik. Kajian ini menunjukkan bahawa flora bukan sekadar komponen indah dalam pantun sebaliknya ia berfungsi sebagai representasi fikiran, perasaan dan sistem nilai Generasi Z yang dibentuk oleh pengalaman budaya dan persekitaran sosial mereka.

Pengkaji mencadangkan kajian lanjutan yang lebih besar merangkumi pelajar daripada pelbagai latar pendidikan, etnik dan wilayah kerana kajian ini bersifat eksploratori dan berskala kecil dari segi saiz sampel dan konteks institusi. Ini adalah penting untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang cara flora digambarkan dalam pelbagai konteks budaya dan pengalaman hidup. Kajian yang lebih mendalam juga boleh melihat cara flora digunakan dalam jenis sastera lain seperti syair, gurindam atau puisi kontemporari yang juga sering menggunakan alam sebagai alat ekspresi.

Selain itu, adalah mungkin untuk menjalankan kajian perbandingan antara generasi untuk melihat bagaimana makna dan simbolisme flora berubah dari semasa ke semasa serta bagaimana unsur flora tersebut kekal atau berkembang dalam pantun. Kajian berkait pelbagai

generasi ini boleh meningkatkan pemahaman kita tentang evolusi budaya, gaya berbahasa, dan identiti generasi dalam masyarakat Melayu. Kajian ini dijangka bukan sahaja memperluaskan bidang linguistik dan kesusasteraan tetapi juga mendorong generasi muda untuk mentafsirkan pantun dengan cara yang kreatif dan relevan dengan zaman mereka.

Sehubungan dengan itu, kajian juga boleh dilanjutkan dari segi pendekatan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang cara flora dipilih dan dikodkan dalam pantun, pendekatan seperti temu bual atau kajian korpus boleh digunakan. Selain itu, kajian lanjutan boleh melihat cara flora dan nilai ekologi berinteraksi dalam konteks ekolinguistik atau bagaimana ia berkaitan dengan elemen semantik budaya, representasi gender, dan identiti generasi muda. Diharapkan kajian ini menjadi asas kepada penyelidikan lanjut yang lebih komprehensif dan berimpak dalam memperkaya bidang kajian bahasa, pemikiran dan sastera tradisional Melayu dalam konteks moden.

Penghargaan/Acknowledgements

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Program Linguistik, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan dan kemudahan yang disediakan sepanjang pelaksanaan kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada semua pelajar dan penyelia yang terlibat.

Konflik Kepentingan: Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Ahmad, N. A. (2024). Analisis semantik kognitif dalam puisi *Cinta Tanpa Tanda*: Konsep metafora dan ikon dari perspektif teori ruang mental. *International Journal of Education, Psychology and Counselling* 10(1): 45–58.
- Eizah Mat Hussain, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Salinah Jaafar. (2015). simbol tumbuhan dalam pantun dari perspektif puitika sastera Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu* 26: 235–255.
- Hawa Mahfuzah Rusidin & Zulkifley Hamid. 2015. Akal budi Melayu dalam mantera: Analisis semantik kognitif. *Jurnal Melayu* 14(2): 260–273.
- Lakoff, G. & Johnson, M. (1980). *Metaphors We Live By*. Chicago: University of Chicago Press.
- Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani. (2020). *Analisis Semiotik Terhadap Konsepsi Lambang Flora dalam Pantun Melayu*. Tesis Sarjana. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Universiti Sains Malaysia.
- Nurzuh, Mohd Fauzi & Denni Iskandar. (2023). Khazanah ekoleksikon flora dan fauna dalam Boekoe Pantoen karya The Tim Lam. *Jurnal Ilmu Budaya* 20(1): 16–35.
- Riani, R. W. (2019). Analisis makna kata *hana* dan *bunga* sebagai polisemi: Kajian linguistik kognitif. *Philosophica: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya* 2(1): 24–31.